




Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)

Office OF THE Mufti

Risalah Mufti

Sempena Awal Muharram 1448H

berserta doa akhir tahun 1447H & awal tahun 1448H



Risalah Mufti

Keamanan dan kesejahteraan sebagai asas kehidupan bermasyarakat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji-pujian bagi Allah ﷻ di atas segala nikmat yang telah dikurniakan ke atas kita, dalam hidup peribadi, keluarga, serta masyarakat. Dengan izin dan taufiq-Nya, kita telah menikmati kehidupan yang maju, selesa dan harmoni. Kita diberkati dengan masyarakat yang prihatin dan bersedia untuk membantu golongan yang memerlukan.

Sememangnya, setiap kita mempunyai cita-cita dan aspirasi, dan mungkin masih lagi mengejanya. Namun, segala yang telah tercapai tidak mungkin terhasil tanpa kestabilan, ketenangan, dan keharmonian yang menjadi asas kehidupan bermasyarakat.

Ini yang telah diperjuangkan dan diusahakan oleh Baginda Rasulullah ﷺ dengan perjalanan Hijrah serta perpindahan membawa golongan yang beriman dari kota Makkah ke kota Madinah, dalam usaha membentuk umat yang dapat hidup dalam ketenangan dan kesatuan. Kehidupan beragama umat Islam di kota Makkah pada awalnya tidak dapat terlaksana dengan baik, kerana kezaliman, penindasan dan permusuhan terhadap mereka yang beriman amat berleluasa. Bahkan golongan yang lemah dalam masyarakat dan kemudiannya beriman dengan Rasulullah ﷺ disiksa dan dibunuh. Perbezaan agama dan kedudukan menjadi sebab dan alasan golongan yang berpengaruh untuk menyiksa dan menindas.



Ketibaan Baginda ﷺ di Madinah disambut baik oleh penduduknya, kerana harapan dan hasrat mereka dari dahulu lagi agar terbentuk masyarakat yang aman lagi makmur di bawah kepimpinannya. Bahkan, langkah pertama Baginda ﷺ adalah membiarkan untanya berhenti di rumah yang mana Baginda ﷺ akan berehat setibanya dari Makkah menunjukkan sifat keadilan dan kesaksamaan yang kritikal dalam membina umat yang bersatu. Piagam Madinah yang dibangunkan Baginda ﷺ juga meletakkan asas-asas kesatuan dan kesamaan tidak kira latarbelakang agama dan budaya penduduknya.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

هذا كتاب من محمد النبي (رسول الله) بين المؤمنين والمسلمين من قريش وأهل يثرب ومن اتبعهم فلحق بهم وجاهد معهم، إنهم أمة واحدة من دون الناس...، وإن يهود بني عوف أمة مع المؤمنين، لليهود دينهم وللمسلمين دينهم، وإن يهود بني النجار مثل ما لليهود بني عوف (وعد على هذا النمط قبائل اليهود)

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Ini adalah piagam (kitab) daripada Muhammad Nabi (Utusan Allah), di antara orang-orang beriman dan orang-orang Islam daripada kalangan Quraisy dan penduduk Yathrib (Madinah), serta sesiapa yang mengikuti mereka, menyertai mereka, dan berjuang bersama-sama mereka. Sesungguhnya mereka adalah satu umat, berbeza daripada manusia yang lain. Dan sesungguhnya puak Yahudi daripada Bani Awf adalah satu umat (masyarakat) bersama orang-orang beriman. Bagi orang Yahudi agama mereka, dan bagi orang Islam agama mereka. Dan sesungguhnya bagi puak Yahudi daripada Bani al-Najjar hak yang sama seperti orang Yahudi daripada Bani Awf (dan baginda terus menghitung suku-suku Yahudi yang lain mengikut cara ini).

PIAGAM MADINAH

Jelas dari Piagam ini bahawa risalah yang dibawa oleh Baginda ﷺ membawa kesejahteraan, keamanan dan kebaikan kepada seluruh umat manusia. Nilai-nilai ini juga adalah asas kehidupan bermasyarakat. Tanpanya, masyarakat tidak dapat bergerak ke hadapan, dan tidak mungkin maju atau mencapai pembangunan yang bermakna.

... وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَهَدَمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ
وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذَكَّرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ
اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ وَإِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

“Dan kalaulah Allah tidak mendorong sesetengah manusia menentang pencerobohan sesetengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah di dalamnya dengan banyak; dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya; sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

(Surah Al-Hajj, 22:40)

Ini terbukti dalam apa yang sedang kita saksikan dalam dunia hari ini, dengan pergolakan dan perpecahan yang semakin ketara yang menjejaskan kestabilan dan kualiti kehidupan banyak masyarakat. Perbezaan bukan lagi dianggap sebagai satu kelebihan positif yang mengukuhkan masyarakat, tetapi sebaliknya, melemahkan dan memecah-belahkan. Ia dijadikan alasan untuk permusuhan dan saling menaruh prasangka, serta membuka pintu kepada keganasan dan kekerasan terhadap golongan lemah dan tidak berdosa.

Keadaan sedemikian mengingatkan kita bahawa keamanan dan keharmonian bukanlah sesuatu yang boleh dianggap remeh atau satu kelebihan. Ia adalah keperluan asas kehidupan manusia. Masyarakat yang hidup dalam ketakutan pastinya tidak dapat membuat perancangan baik buat masa depan. Malah, Islam sentiasa mengutamakan perdamaian berbanding permusuhan.

وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلَامِ فَاجْتَنِحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka cenderunglah engkau kepadanya (sambutlah perdamaian itu) dan bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah Al-Anfal, 8:61)

Al-Quran menekankan asas ini dalam semua aspek kehidupan manusia. Prinsip keadilan dan berbuat baik ini tidak hanya terhad sesama Muslim, bahkan merangkumi seluruh umat manusia yang ingin hidup bersama secara aman dan harmoni.

لَا يَنْهَى اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ أَنْ تَبْرُوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama kamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

(Surah Al-Mumtahanah, 60:8)



Alhamdulillah, kita masih dapat menikmati dan mempertahankan kehidupan yang harmoni di Singapura, walaupun dalam konteks sosial yang padat lagi rencam. Kita telah berjaya membina sebuah masyarakat yang berasaskan persefahaman, saling menghormati perbezaan dan memiliki sikap toleransi yang tinggi. Ini kerana wujud kesedaran bersama bahawa kestabilan sosial dan keharmonian merupakan asas penting bagi kemajuan dan kesejahteraan semua.

Namun, ini tidak bererti keadaan harmoni ini akan berterusan. Dunia kini berhadapan dengan pelbagai perkembangan dan cabaran baharu, termasuk kemajuan dalam kecerdasan buatan (AI), media sosial, serta pemanasan global dan perubahan iklim. Semuanya mempunyai kesan kepada ekonomi, pekerjaan, dan kestabilan sosial. Ia boleh memanfaatkan kita, tetapi ia juga berpotensi membawa kemudarat dan kerosakan jika tidak ditangani dengan cermat.



Tanpa berpandukan nilai-nilai murni, perkembangan dan teknologi baharu boleh melemahkan dan merosakkan hubungan sesama manusia. Perkara ini berlaku apabila teknologi dan platform komunikasi digunakan untuk menonjolkan perbezaan, menyebarkan kebencian atau memperdalam jurang dalam masyarakat, bukannya mengukuhkan persamaan dan perpaduan.

Oleh itu, tanggungjawab kita ialah untuk terus mencari pendekatan yang positif dan berteraskan nilai murni dalam memanfaatkan perkembangan semasa dan masa hadapan. Kemajuan yang dicapai tidak seharusnya melemahkan hubungan kemanusiaan, tetapi sebaliknya menjadi alat untuk memperkukuhkan persefahaman, mempererat silaturahim dan menyumbang kepada kesejahteraan bersama.

Walaupun arus perpecahan dan api permusuhan semakin merebak di pelbagai pelosok dunia, marilah kita terus membina benteng yang kukuh dalam menegakkan kehidupan beragama yang membawa kebaikan, memperkukuhkan kesatuan umat manusia, dan terus dihormati. Dengan itu, kita dapat menampilkan risalah Islam yang penuh rahmat dan kemuliaan.

Nikmat dan pencapaian membina masyarakat yang bersatu dan aman lagi damai perlu terus kita syukuri dan pertahankan. Lebih penting lagi, kita perlu memastikan bahawa nilai-nilai ini terus diwariskan kepada generasi akan datang agar Singapura kekal menjadi sebuah masyarakat yang aman, bersatu padu dan saling menghormati.

Dengan kestabilan dan ketenangan hidup bersama, kita dapat menjalani kehidupan beragama dengan lebih baik, teratur dan tenteram.

Semoga kedatangan tahun 1448H menjadi kesempatan untuk kita memperbaharui azam dan komitmen dalam memelihara kesejahteraan, keamanan dan keharmonian yang telah kita bina bersama.

Amin ya Rabbal 'alamin.

وَاللَّهُ وَلِيُّ التَّوْفِيقِ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

ناظر الدين محمد ناصر

Mufti Dr Nazirudin Mohd Nasir

Doa akhir tahun 1447H

Imbas kod QR atau klik pautan
di bawah untuk terjemahan doa

Scan QR code or click the
link below for dua translation

go.gov.sg/doaakhirtahun1447



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ مَا عَمَلْنَا مِنْ عَمَلٍ فِي هَذِهِ السَّنَةِ مِمَّا نَهَيْتَنَا عَنْهُ فَلَمْ نَتَّبِعْ مِنْهُ وَلَمْ
تَرْضَهُ، وَنَسِينَاهُ وَلَمْ تَنْسَهُ، وَحَلُمْتَ عَنَّا مَعَ قُدْرَتِكَ عَلَى عِقُوبَتِنَا، وَدَعَوْتَنَا
إِلَى التَّوْبَةِ مِنْهُ بَعْدَ جَرَاءَتِنَا عَلَى مَعْصِيَتِكَ،
فَإِنَّا نَسْتَغْفِرُكَ مِنْهُ فَاعْفِرْ لَنَا.

وَمَا عَمَلْنَا فِيهَا مِمَّا تَرْضَاهُ، وَوَعَدْتَنَا عَلَيْهِ الثَّوَابَ وَالْعُفْرَانَ،
فَنَسَأَلُكَ اللَّهُمَّ أَنْ تَتَقَبَّلَهُ مِنَّا وَلَا تَقْطَعْ رَجَاءَنَا مِنْكَ، وَارْزُقْنَا أَجْرَ الصَّابِرِينَ
مِمَّا أَصَابْنَا مِنْ هُمُومٍ وَبَلَايَا، يَا كَرِيمُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

إِلَهْنَا، كُلُّ فَرْحٍ بِغَيْرِكَ زَائِلٌ، وَكُلُّ شُغْلٍ بِسِوَاكَ بَاطِلٌ، وَالسُّرُورُ بِكَ
هُوَ السُّرُورُ، فَنَسَأَلُكَ يَا رَبَّنَا سُرُورًا تَمَلُّأُ بِهِ قُلُوبَنَا، وَيَقِينًا تُنِيرُ بِهِ دُرُوبَنَا،
وَطَمَآنِينَةً تَغْمُرُ أَرْوَاحَنَا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ كُلَّ أَيَّامِنَا مُبَارَكَةً، وَأَدِمْ يَا رَبَّنَا نَفْحَاتِكَ وَعَطَايَاكَ عَلَيْنَا،
وَعَلَى بَلَدِنَا مَا دَامَتْ رَحْمَتُكَ بَاقِيَةً، يَا خَيْرَ الرَّازِقِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ يَا ذَا الْمَعْرُوفِ الَّذِي لَا يَنْقَطِعُ أَبَدًا، أَنْ تَغْمُرَنَا بِفَيْضِ
جُودِكَ تَطِيبُ بِهِ حَيَاتِنَا، وَنَسْأَلُكَ حَنَانًا مِنْ لَدُنْكَ تَطْمِئِنُّ بِهِ قُلُوبُنَا، وَنَبْتَهِلُ
إِلَيْكَ أَنْ تُلْقِي عَلَيْنَا مَوَدَّةً مِنْكَ تَجْعَلُنَا بِهَا مِنْ أَحْبَابِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

يَا رَحْمَنَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَرَحِيمَهُمَا،
نَسْأَلُكَ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ تَعْصِمُنَا بِهَا مِنَ الرَّزْلِ، وَنَسْأَلُكَ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ
تُصَلِّحُ بِهَا حَيَاتِنَا مِنْ كُلِّ خَلَلٍ، وَنَسْأَلُكَ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ تُنْقِي بِهَا قُلُوبَنَا مِنَ
الْحَقْدِ وَالْحَسَدِ وَالرِّيَاءِ وَالْعُجْبِ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

رَبَّنَا اجْعَلْنَا لَكَ شَكَارِينَ، لَكَ ذَكَارِينَ، وَإِلَيْكَ أَوَّاهِينَ وَمُنِيبِينَ،
وَاكْتُبْنَا فِي سِجْلِ الطَّائِعِينَ، وَرُدَّنَا إِلَيْكَ رَدًّا جَمِيلًا غَيْرَ خَزَايَا وَلَا مَفْتُونِينَ
يَا مُجِيبَ الطَّائِعِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ خَيْرَ أَعْمَالِنَا خَوَاتِيمَهَا، وَخَيْرَ أَعْمَارِنَا أَوَاخِرَهَا، وَخَيْرَ أَيَّامِنَا يَوْمَ
نَلْقَاكَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا مَا مَضَى، وَأَصْلِحْ لَنَا مَا بَقِيَ يَا حَيُّرَ الْحَاكِمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْأَمْنَ وَالْأَمَانَ، وَالسَّلَامَ وَالسَّلَامَ
فِي الْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلْإِنْسَانِيَّةِ جَمْعَاءَ، وَأَنْ تُبْعِدَ عَنَّا الْأَذَى وَالْبَلَاءَ،
وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ، وَالْجُورَ وَالظُّلْمَ، وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ فِي بَلَدِنَا سِنْعَافُورَةَ وَسَائِرِ بِلَادِ الْعَالَمِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ بِحَقِّ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، نَسْأَلُكَ أَنْ تُحِيرَنَا مِنَ النَّارِ
وَمَا يُقَرِّبُ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ، وَنَسْأَلُكَ بِحَقِّ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ
أَنْ تُدْخِلَنَا الْفِرْدَوْسَ الْأَعْلَى مِنَ الْجَنَّةِ يَا مُجِيبَ السَّائِلِينَ.



Doa awal tahun 1448H

Imbas kod QR atau klik pautan
di bawah untuk terjemahan doa

Scan QR code or click the
link below for dua translation

go.gov.sg/doaawaltahun1448



<https://go.gov.sg/doaawaltahun1448>

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَبَدِيُّ الْقَدِيمُ الْأَوَّلُ وَعَلَى فَضْلِكَ الْعَظِيمِ وَجُودِكَ الْمُعْوَلِ،
وَهَذَا عَامٌ جَدِيدٌ قَدْ أَقْبَلَ عَلَيْنَا، اللَّهُمَّ أَهْلُهُ عَلَيْنَا بِالْأَمْنِ وَالْإِيمَانِ،
وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ، رَبُّنَا وَرَبُّكَ اللَّهُ، هَلَالٌ رُشْدٍ وَحَيْرٍ. نَسْأَلُكَ الْعِصْمَةَ فِيهِ
مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَوْلِيَاءِهِ وَجُنُودِهِ، وَالْعَوْنَ عَلَى هَذِهِ النَّفْسِ الْأَمَّارَةِ بِالسُّوءِ،
وَالِإِسْتِعَالَ بِمَا يُقْرَبُنَا إِلَيْكَ زُفَى، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ عَامَنَا هَذَا عَامًا فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ،
اللَّهُمَّ غِيثًا مِنَ الْخَيْرَاتِ وَالْبَرَكَاتِ، وَغِيثًا مِنَ النَّفَحَاتِ وَالرَّحْمَاتِ.

اللَّهُمَّ انْظُرْ إِلَيْنَا نَظْرَةَ رِضَاكَ الَّتِي تُحْسِنُ بِهَا أَحْوَالَنَا، وَتَهْدِي بِهَا قُلُوبَنَا،
وَتَغْفِرُ بِهَا ذُنُوبَنَا، وَتَرُدُّنَا بِهَا إِلَيْكَ رَدًّا جَمِيلًا يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
رَبَّنَا نَحْمَدُكَ وَنَشْكُرُكَ عَلَى نِعْمِكَ الَّتِي لَا تُعَدُّ وَلَا تُحْصَى،
وَلَكَ الْحَمْدُ وَالشُّكْرُ عِنْدَ رِضَاكَ عَنَّا.

اللَّهُمَّ احْرُسْنَا بِعَيْنِكَ الَّتِي لَا تَنَامُ، وَاكْنُفْنَا بِكَفِّكَ الَّذِي لَا يُضَامُ، فَإِنَّهُ لَا
يَهْلِكُ مَنْ أَنْتَ رَجَاؤُهُ، فَكَمْ مِنْ نِعْمَةٍ أَنْعَمْتَ بِهَا عَلَيْنَا قَلَّ عِنْدَهَا شُكْرُنَا، فَيَا
رَبَّنَا لَا تَحْرِمْنَا مِنْ نِعْمِكَ بِسَبَبِ تَقْصِيرِنَا فِي شُكْرِكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ نَسْتَغِيْثُ، يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ نَسْتَغِيْثُ،
يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ نَسْتَغِيْثُ، أَغِيْثْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِي غَزَّةَ،
وَفِي فَلَسْطِيْنَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ. اَللّٰهُمَّ الطُّفْ بِعِبَادِكَ فَوْقَ كُلِّ اَرْضٍ،
وَتَحْتَ كُلِّ سَمَاءٍ، يَا لَطِيْفُ، يَا لَطِيْفُ، يَا لَطِيْفُ.

اَللّٰهُمَّ اِنْ هَزَّتْ رِيَّاحُ الْيَاسِ مَرْكَبَنَا، فَحَسِّنِ الظَّنَّ بِكَ يُغْنِيْنَا.
نَسْأَلُكَ اَللّٰهُمَّ هُدُوًا يَسْكُنُ فِي قُلُوْبِنَا، وَيَقِيْنَا يَمْلَأُ صُدُوْرَنَا،
وَحِكْمَةً تُضِيُّ دَرْبَنَا، وَتُوْفِقُنَا يُصَاحِبُ خُطَانَا.

اَللّٰهُمَّ يَا بَاسِطَ الْاَرْزَاقِ، وَيَا مُنْزِلَ الْخَيْرَاتِ، وَيَا وَاسِعَ الْعَطَاءِ،
وَيَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، وَيَا سَامِعَ الدُّعَاءِ، نَسْأَلُكَ اَنْ تَحْفَظَ بِلَادَنَا
مِنْ كُلِّ مَكْرُوْهِهٖ وَسُوْءِهَا يَا اِلَهَ الْعَالَمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ يَا حَاضِرًا لَيْسَ بِغَائِبٍ، وَيَا مُوْجُوْدًا عِنْدَ الشَّدَائِدِ، وَيَا حَفِيَّ اللُّطْفِ،
نَسْأَلُكَ اَنْ تَلْطَفَ بِنَا فِي تَيْسِيْرِ كُلِّ اَمْرٍ عَسِيْرٍ، فَاِنَّ تَيْسِيْرَ الْعَسِيْرِ
عَلَيْكَ يَسِيْرٌ، يَا اَكْرَمَ الْاَكْرَمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اَعِنَّا عَلٰى مَا يُنْجِيْنَا، وَاْمِنَّا مِمَّا يُخِيْفُنَا، وَاَرْزُقْنَا شَوْقَ الصَّالِحِيْنَ
اِلٰى مَا شَوَّقْتَهُمْ اِلَيْهِ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنَا مِمَّنْ تَوَكَّلَ عَلَيْكَ فَكَفَيْتَهُ،
وَاسْتَهْدَاكَ فَهَدَيْتَهُ، وَاسْتَغْفَرَكَ فَغَفَرْتَ لَهُ، وَاسْتَنْصَرَكَ فَانصَرْتَهُ،
وَدَعَاكَ فَاجَبْتَهُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ،
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.





Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)

Office OF THE
Mufti